

Tahap Penguasaan Bahasa Melayu Remaja Malaysia: Analisis Aspek Tatabahasa

*Zaharani Ahmad
Teresa Jabar*

*Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik
Universiti Kebangsaan Malaysia*

Abstrak

Kertas ini menghurai dan menjelaskan tahap penguasaan bahasa Melayu remaja Malaysia dari segi aspek tatabahasa yang meliputi aspek pengimbuhan, pilihan kata dan ejaan. Penguasaan bahasa Melayu bermaksud kemampuan pelajar mengetahui, memahami, mengenal pasti dan menganalisis peraturan atau rumus yang mendasari sistem tatabahasa bahasa Melayu. Dalam kajian ini, tahap penguasaan bahasa diukur berdasarkan markah pencapaian pelajar dan dikategorikan kepada empat tahap, iaitu sangat memuaskan, memuaskan, kurang memuaskan dan tidak memuaskan. Dapatan kajian menunjukkan tahap penguasaan remaja Malaysia dalam aspek membina ayat adalah memuaskan (74.8%). Sebaliknya, penguasaan pelajar dalam aspek analisis kesalahan yang melibatkan imbuhan dan ejaan (56.9%) dan pilihan kata (64.1%) berada pada tahap kurang memuaskan. Walaupun tahap penguasaan pelajar memuaskan dalam aspek membina ayat, namun ada soalan yang tidak boleh dikuasai dan tahap penguasaan mereka kurang memuaskan. Misalnya, pelajar didapati tidak dapat membuat ayat yang gramatis dengan menggunakan kata terbitan bermuka-muka (54.7%) dan terkemuka (66.7%). Pelajar juga tidak dapat menguasai sistem ejaan dan analisis pilihan kata. Sehubungan itu, kertas ini cuba memberi penjelasan dari sudut linguistik kenapa para pelajar gagal menguasai aspek tatabahasa tersebut. Antara faktor dan punca penyebabnya ialah (i) pelajar terkeliru antara maklumat linguistik dengan maklumat pragmatik, dan (ii) pelajar terkeliru antara nahu preskriptif yang diajar di sekolah dengan nahu praktis yang diamalkan di luar sekolah.

Abstract

This paper describes and elucidates the mastery level of Malay language among Malaysian youths, particularly its grammatical aspects which comprise affixations, word choice and spelling. Mastering the Malay language means the ability of the students to be acquainted with, understand, identify and analyze the rules that regulate the Malay grammatical system. In this study, the level of mastering the language is evaluated based on students scoring marks and are categorized into four levels, namely very satisfactory, satisfactory, less satisfactory and unsatisfactory. The study shows that the

TAHAP PENGUASAAN BAHASA MELAYU REMAJA MALAYSIA:
ANALISIS ASPEK TATABAHASA

mastery level of Malaysian youths in terms of sentence construction is satisfactory (74.8%). Whereas, their level in the aspects of error analysis involving affixation and spelling (56.9%) and word choice (64.1%) are less satisfactory. Although their mastery level in terms of sentence construction is satisfactory, there are certain questions that they cannot master and their mastery level is less satisfactory. For example, students were not able to construct grammatical sentences using the word *bermuka-muka* (54.7%) and *terkemuka* (66.7%). The students also failed to master the language spelling system and word choice. Accordingly, this paper attempts to offer linguistic explanations why the students failed to master the grammatical aspects. The reasons are (i) the students are confused between linguistic information and pragmatic information, and (ii) the students are confused between prescriptive grammar that is taught in schools and practical grammar that is used outside the schools.

Pengenalan

Makalah ini cuba menghuraikan tahap penguasaan bahasa Melayu remaja Malaysia dalam aspek tatabahasa. Penguasaan bahasa Melayu dalam konteks kajian ini bermaksud kemampuan pelajar mengetahui, memahami, mengenal pasti, dan menganalisis peraturan atau rumus yang mendasari sistem tatabahasa bahasa Melayu. Aspek tatabahasa yang diteliti meliputi pembinaan ayat dan analisis kesalahan. Setiap soalan yang dijawab oleh pelajar akan ditandai sama ada betul atau salah, dan bilangan jawapan ini kemudiannya dijadikan dalam bentuk peratus.

Tahap penguasaan bahasa Melayu responden diukur berdasarkan peratusan pelajar yang dapat menjawab soalan dengan betul. Tahap penguasaan pelajar dikategorikan kepada empat skala berikut:

Tahap	Peratus (%)
Sangat memuaskan	85 ke atas
Memuaskan	70 - 84
Kurang memuaskan	50 - 69
Tidak memuaskan	0 - 49


Jadual 2.1: Tahap Penguasaan Pelajar

Berdasarkan jadual di atas, peratusan bilangan pelajar yang menjawab dengan betul pada aras 85% ke atas menandakan tahap penguasaan mereka sangat memuaskan. Sekiranya peratusan bilangan pelajar berada pada aras antara 70% hingga 84%, maka tahapnya adalah memuaskan. Bagi peratusan bilangan pelajar yang mencatatkan 50% hingga 69% pula, tahap penguasaannya kurang memuaskan. Akhirnya, peratusan bilangan pelajar yang berada pada aras di bawah 49%, tahap penguasaannya adalah tidak memuaskan.

Tahap Penguasaan Aspek Tatabahasa

Seperti yang telah dinyatakan, bahagian tatabahasa mengandungi dua aspek, iaitu membina ayat dan analisis kesalahan. Soalan berhubung dengan analisis kesalahan dipecahkan kepada tiga bahagian, iaitu imbuhan, ejaan dan pilihan kata. Bahagian ini akan menghuraikan tahap penguasaan pelajar berdasarkan jawapan yang diberikan. Pelajar yang dapat menjawab dengan betul dianggap menguasai bahasa Melayu, manakala pelajar yang gagal dikatakan tidak menguasai bahasa Melayu. Jadual di bawah menunjukkan tahap penguasaan bahasa pelajar berdasarkan empat domain tatabahasa, iaitu pembinaan ayat, penggunaan imbuhan, penguasaan ejaan dan pemilihan kata.

Rajah 2.2: Tahap Penguasaan Pelajar



Rajah di atas menunjukkan tahap penguasaan pelajar dalam membina ayat bagi enam perkataan yang disoal adalah berbeza. Bagi kata dasar **muka** dan kata terbitan **bersemuka**, **permukaan** dan **mengemukakan**, peratusan pelajar yang berjaya menjawab dengan betul adalah antara 71.3% hingga 78.7%, dan pencapaian ini memperlihatkan tahap penguasaan yang memuaskan. Manakala bagi kata terbitan **terkemuka** (66.7%) dan **bermuka-muka** (54.7%), tahap penguasaannya tidak memuaskan.

Tahap Penguasaan Analisis Kesalahan

Bagi soalan analisis kesalahan bahasa, terdapat tiga aspek yang diuji, iaitu kesalahan dari segi imbuhan, ejaan dan pemilihan kata. Dalam soalan menganalisis kesalahan ini, pelajar diminta membetulkan kesalahan yang terdapat dalam ayat yang diberikan dengan menulis semula ayat-ayat tersebut tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya. Dalam perbincangan seterusnya, dihuraikan tahap penguasaan pelajar dalam ketiga-tiga aspek kesalahan yang diuji secara satu persatu.


Tahap Penguasaan dari segi Imbuhan

Dalam soalan analisis kesalahan, terdapat lima soalan berhubung dengan kesalahan penggunaan imbuhan yang memerlukan pelajar mengenal pasti

TAHAP PENGUASAAN BAHASA MELAYU REMAJA MALAYSIA:
ANALISIS ASPEK TATABAHASA

kesalahan tersebut dan menulis semula ayat berkenaan. Kesalahan penggunaan imbuhan yang perlu dikenal pasti oleh pelajar ialah menggantikan kata **melupakan** dengan **pelupusan**, **kemasyarakatan** dengan **memasyarakatkan**, **tarik** dengan **menarik**, **kelima** dengan **kelima-lima** dan **bersihkan** dengan **membersihkan**. Hasil jawapan pelajar ditunjukkan dalam rajah di bawah:

Rajah 2.3 Tahap Penguasaan Membaiki Kesalahan Imbuhan




Daripada lima soalan yang dikemukakan, didapati tahap penguasaan pelajar adalah memuaskan bagi kesalahan imbuhan dalam perkataan **melupakan→pelupusan** (71.6%), **bersihkan→membersihkan** (74.1%), **kelima→kelima-lima** (77%) dan **tarik→menarik** (77.9%). Hanya satu soalan sahaja yang menunjukkan tahap penguasaan yang tidak memuaskan, iaitu **kemasyarakatan→memasyarakatkan** (35.4%).

Tahap Penguasaan dari segi Ejaan

Soalan yang berhubung dengan ejaan menghendaki pelajar mengesan kesalahan ejaan salah satu perkataan dalam ayat yang diberikan. Sama seperti soalan menganalisis kesalahan penggunaan imbuhan, pelajar dikehendaki mengenal pasti kesalahan ejaan tersebut dan menuliskannya kembali dalam bentuk yang betul. Dalam kajian ini, tiga kesalahan ejaan yang perlu dikesan oleh pelajar ialah **di pantau** dan digantikan dengan **dipantau**, **mendokong** dengan **mendukung** dan **gulungan** dengan **golongan**. Rajah berikut menunjukkan tahap penguasaan pelajar dari segi ejaan:

Rajah 2.4 Tahap Penguasaan Pembetulan Ejaan



Daripada tiga soalan yang dikemukakan, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penguasaan pelajar tidak memuaskan bagi perkataan **mendokong→mendukung**. Hanya 8.8% sahaja pelajar yang berjaya menjawab soalan ini dengan betul. Bagi perkataan **di pantau→dipantau**, tahap penguasaan pelajar masih tidak memuaskan, walaupun peratusannya lebih baik sedikit, iaitu sebanyak 45.2%. Berbeza daripada dua perkataan di atas, tahap penguasaan ejaan pelajar bagi perkataan **gulungan→golongan** sangat memuaskan, iaitu pada kadar 80.9%.

Tahap Penguasaan dari segi Pilihan Kata

Aspek ketiga yang disoal dalam analisis kesalahan ialah pemilihan kata. Sama seperti soalan-soalan sebelum ini, pelajar diminta mengenal pasti kesalahan penggunaan kata dalam ayat yang telah diberikan dan menggantikannya dengan kata yang tepat. Empat soalan yang diutarakan menghendaki pelajar menggantikan kata **putih** dengan **cerah**, **melalui** dengan **dengan**, **simpanan** dengan **bukti** dan **di pihak** dengan **pada pihak**. Rajah berikut menunjukkan tahap penguasaan pelajar dari segi pilihan kata:

Daripada tiga soalan yang dikemukakan, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penguasaan pelajar tidak memuaskan bagi perkataan **mendokong→mendukung**. Hanya 8.8% sahaja pelajar yang berjaya menjawab soalan ini dengan betul. Bagi perkataan **di pantau→dipantau**, tahap penguasaan pelajar masih tidak memuaskan, walaupun peratusannya lebih baik sedikit, iaitu sebanyak 45.2%. Berbeza daripada dua perkataan di atas, tahap penguasaan ejaan pelajar bagi perkataan **gulungan→golongan** sangat memuaskan, iaitu pada kadar 80.9%.


Tahap Penguasaan dari segi Pilihan Kata

Aspek ketiga yang disoal dalam analisis kesalahan ialah pemilihan kata. Sama seperti soalan-soalan sebelum ini, pelajar diminta mengenal pasti kesalahan penggunaan kata dalam ayat yang telah diberikan dan

TAHAP PENGUASAAN BAHASA MELAYU REMAJA MALAYSIA:
ANALISIS ASPEK TATABAHASA

menggantikannya dengan kata yang tepat. Empat soalan yang diutarakan menghendaki pelajar menggantikan kata **putih** dengan **cerah**, **melalui** dengan **dengan**, **simpanan** dengan **bukti** dan **di pihak** dengan **pada pihak**. Rajah berikut menunjukkan tahap penguasaan pelajar dari segi pilihan kata:

Rajah 2.5 Tahap Penguasaan Pemilihan Kata



Rajah di atas menunjukkan bahawa tahap penguasaan pelajar secara umumnya kurang memberangsangkan. Tahap penguasaan mereka kurang memuaskan bagi tiga pilihan kata, iaitu **melalui**→**dengan** (62.2%), **simpanan**→**bukti** (54.3%) dan **di pihak**→**pada pihak** (52.0%). Bagi pilihan kata **putih**→**cerah** tahap penguasaan mereka tidak memuaskan (33.6%). Ringkasnya, pelajar tidak dapat menguasai semua soalan yang berkaitan dengan pilihan kata.

Analisis Linguistik

Huraian di atas memaparkan tahap penguasaan pelajar Malaysia dalam aspek tatabahasa bahasa Melayu yang meliputi aspek pengimbuhan, pemilihan kata dan ejaan. Tahap penguasaan diukur berdasarkan markah yang dicapai oleh pelajar, dan dikategorikan kepada empat tahap, iaitu sangat memuaskan, memuaskan, kurang memuaskan dan tidak memuaskan. Dapatan kajian secara keseluruhannya menunjukkan tahap penguasaan pelajar adalah memuaskan (70.4%). Secara terperinci, penguasaan membina ayat berada pada tahap memuaskan (74.8%), manakala penguasaan dalam aspek imbuhan dan ejaan (56.9%) dan pilihan kata (64.1%) kurang memuaskan.

Walaupun tahap penguasaan pelajar memuaskan dalam aspek membina ayat, namun ada soalan yang tidak boleh dikuasai oleh pelajar dan tahap penguasaan mereka kurang memuaskan, iaitu berada pada paras di bawah 70%. Misalnya, pelajar didapati gagal membuat ayat menggunakan kata terbitan **bermuka-muka** (54.7%) dan **terkemuka** (66.7%) dengan betul.

Mereka juga gagal mengenal pasti dan membaiki kesalahan **kemasyarakatan**→**memasyarakatan** (35.4%), **di pantau**→**dipantau** (45.2%) dan **mendokong**→**mendukung** (8.8%).

Dari segi pemilihan kata, tahap penguasaan pelajar juga kurang memuaskan bagi semua kata yang disoal, iaitu **putih**→**cerah** (33.6%), **melalui**→**dengan** (62.2%), **simpanan**→**bukti** (54.3%) dan **di pihak**→**pada pihak** (52%). Dalam perbincangan seterusnya, penulis cuba memberi penjelasan dari sudut linguistik mengapa para pelajar gagal mencapai tahap penguasaan yang memuaskan.

Pembinaan Ayat

Seperti yang telah dinyatakan, dalam aspek pembinaan ayat, pelajar dikehendaki menulis ayat bagi setiap perkataan yang diberikan, dan mereka tidak boleh menambah imbuhan atau menggunakan perkataan tersebut sebagai peribahasa atau nama khas. Enam perkataan yang disoal ialah **muka, terkemuka, bersemuka, permukaan, mengemukakan** dan **bermuka-muka**. Berdasarkan analisis kuantitatif, didapati pelajar mengalami masalah untuk membina ayat menggunakan kata terbitan **bermuka-muka** dan **terkemuka**.

i. Bermuka-muka

Dari sudut morfologi, kata terbitan **bermuka-muka** terhasil daripada penggabungan proses pengimbuhan dan penggandaan. Imbuhan *ber-* dalam bahasa Melayu berfungsi untuk membentuk kata kerja. Penggabungan imbuhan *ber-* dengan kata nama membawa maksud *mempunyai*, contohnya, *berbaju, berumah* dan *beristeri* (Nik Safiah Karim et. al 1989).

Apabila kata terbitan berimbuhan *ber-* digandakan, kata tersebut membawa pengertian banyak, misalnya *berguni-guni*, dan *berkotak-kotak*. Oleh itu, dari sudut tatabahasa, kata **bermuka-muka** membawa maksud ‘mempunyai banyak muka’.

Namun, dari segi konteks pragmatik penggunaannya dalam masyarakat, kata terbitan tersebut bukan bermaksud banyak muka tetapi membawa makna berpura-pura. Dalam kes ini para pelajar terkeliru kerana belakunya pertentangan antara makna linguistik dengan makna pragmatik, atau dengan kata mudahnya, berlaku percanggahan antara makna tersurat dengan makna tersirat. Makna pragmatik lazimnya tidak boleh diramalkan melalui sistem tatabahasa dan ia ditentukan oleh faktor bukan linguistik, seperti budaya. Berdasarkan ayat yang dibina, kebanyakan pelajar terikat dengan makna tatabahasa, iaitu **bermuka-muka** yang membawa maksud banyak. Selain daripada itu, kata **bermuka-muka** juga mendukung maksud berlagak dan bermasam muka. Berikut diperturunkan contoh jawapan yang diberikan oleh para pelajar.

Maksud banyak

- a. Ayah menyelak surat khabar yang *bermuka-muka*.

TAHAP PENGUASAAN BAHASA MELAYU REMAJA MALAYSIA:
ANALISIS ASPEK TATABAHASA

- b. *Bermuka-muka* helaian kertas yang telah saya baca.
- c. Buku itu mempunyai muka surat yang *bermuka-muka*.
- d. *Bermuka-muka* cadangan yang dikeluarkan oleh pengerusi itu untuk menarik perhatian para hadirin.

Maksud berlagak

- a. Mak cik itu *bermuka-muka* kerana selalu merendah-rendahkan orang lain.
- b. Selepas berjaya di dalam perniagaan Ahmad *bermuka-muka* dengan penduduk kampungnya.
- c. Azhan *bermuka-muka* kerana pandai bermain bola sepak.
- d. Dengan kekayaan yang ada pada Rahman menyebabkan beliau *bermuka-muka* dengan orang, ini menyebabkan beliau di benci dalam kampung sendiri.
- e. Diyana *bermuka-muka* dengan jam tangan barunya yang dihadiahkan Aizat.

Maksud bermasam muka

- a. Saiful dan Adli *bermuka-muka* akibat perselisihan faham yang terjadi antara mereka.
- b. Aku melihat Aini *bermuka-muka* dengan Rosni kerana bergaduh semalam.
- c. Mereka sering *bermuka-muka* kerana mereka sering bergaduh.
- d. Abu dan Ahmad sentiasa *bermuka-muka* oleh sebab pergaduhan yang telah berlaku beberapa bulan yang lalu.
- e. Alia *bermuka-muka* dengan bapanya kerana tidak dibenarkan mengikut ekspedisi bersama rakan-rakannya ke Bukit Fraser.

ii. Terkemuka

Dalam buku tatabahasa, imbuhan **ter-** dikatakan berfungsi untuk membentuk kata kerja transitif dan juga tak transitif. Dari sudut makna, imbuhan **ter-** dalam kata kerja tak transitif bermaksud 'keadaan tersedia (Nik Safiah Karim et. al. 1989), contohnya kata *tersusun, terhidang* dan *terkeluar*.

Walaupun dari segi morfologi kata **terkemuka** ini tergolong dalam kelas kata kerja, namun dari segi fungsi ia adalah kata adjektif. Contoh kata lain yang tergolong dalam golongan yang sama ialah kata *ternama, terkenal* dan *terhormat* (Asmah Haji Omar 1982).

Kata terbitan ini boleh didahului oleh kata penguat, seperti dalam frasa adjektif *sangat terkemuka*, dan *paling terkenal*. Selain daripada menerbitkan kata kerja, imbuhan **ter-** juga boleh menerbitkan kata adjektif yang membawa maksud keadaan perbandingan atau keadaan paling (Nik Safiah Karim et. al. 1989). Kata adjektif terbitan ini lazimnya diterbitkan daripada kata dasar yang juga tergolong dalam kata adjektif, misalnya *tercantik, terpandai*, dan *terbesar*.

Namun, dalam kes ini kata dasar **ke muka** adalah frasa preposisi dan bukannya kata adjektif. Justeru, dari segi morfologi, kata terbitan ini

dikelaskan sebagai kata kerja dan bukannya kata adjektif. Tetapi dalam konteks binaan ayat, kata tersebut mestilah berfungsi sebagai kata adjektif. Pada hemat penulis, pelajar gagal membina ayat dengan kata **terkemuka** kerana mereka terkeliru antara kategori dengan fungsi. Berdasarkan ayat-ayat yang dibina oleh pelajar, jelas didapati kata **terkemuka** menduduki posisi frasa kerja, dan ini menyebabkan ayat itu tidak gramatis.

Terkemuka sebagai kata kerja

- a. Keputusan UPSR Lina *terkemuka* di sudut kenyataan.
- b. Jawapannya sudah *terkemuka* di papan hitam
- c. Wajah Ayuni *terkemuka* di hadapan majalah mangga.
- d. Kelab matematik dan sains *terkemuka* kepada semua pelajar di SMK Batu Kawa.

Pembetulan Imbuhan

Dalam soalan analisis kesalahan yang melibatkan pembetulan imbuhan, para pelajar dikehendaki mengenal pasti kesalahan penggunaan imbuhan dalam kata-kata tertentu dalam ayat yang diberikan, dan menulis semula ayat berkenaan dengan menggunakan kata berimbuhan yang betul. Contoh soalan yang dikemukakan adalah seperti yang berikut:

Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan penggunaan imbuhan**. Kenal pasti dan betulkan kesalahan-kesalahan itu dengan menulis ayat-ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

1. Gerakan Cintailah Bahasa Kita telah dilancarkan untuk mendokong usaha **kemasyarakatan** bahasa Melayu.

i. Kemasyarakatan→memasyarakatkan

Skema jawapan guru menetapkan kesalahan penggunaan imbuhan berlaku pada kata nama **kemasyarakatan**. Imbuhan **ke-an** itu harus diganti dengan imbuhan kata kerja **meN-kan** untuk menghasilkan kata kerja **memasyarakatkan**. Para pelajar didapati tidak dapat mengenal pasti kesalahan itu, justeru mereka menganggapkannya betul.

Pada hemat pengkaji, kegagalan pelajar menjawab soalan ini berpunca daripada pemahaman mereka tentang binaan frasa nama (FN) bahasa Melayu. Contohnya frasa nama *kemasyarakatan bahasa Melayu*. Dari segi nahu, frasa nama ini tidak salah kerana FN boleh terdiri daripada KN + KN. Oleh yang demikian, pelajar menganggap ayat tersebut gramatis dan tiada kesalahan. Sesetengah pelajar menyedari kesalahan penggunaan KN di situ, tetapi kata baru yang dikemukakan masih tergolong dalam kelas KN, misalnya *pemasyarakatan*, *masyarakat*, *perpaduan*, *penggunaan*, dan *persatuan*.

Satu lagi ciri menarik tentang jawapan pelajar ialah mereka tidak menggantikan kata **kemasyarakatan** itu dengan **memasyarakatkan**, sebaliknya mereka menggunakan kata kerja yang lain, misalnya

TAHAP PENGUASAAN BAHASA MELAYU REMAJA MALAYSIA:
ANALISIS ASPEK TATABAHASA

memartabatkan dan *menyemarakkan*. Ini menunjukkan mereka sedar akan klausa itu memerlukan kata kerja, tetapi mereka tidak membina kata kerja terbitan berdasarkan kata dasar yang sedia ada, sebaliknya mengusulkan satu kata kerja baru yang tidak berkaitan dengan kata dasar.

Pembetulan Ejaan

Dalam soalan yang berkaitan dengan pembetulan ejaan, pelajar dikehendaki mengesan kesalahan ejaan yang terdapat dalam salah satu perkataan dalam ayat yang diberikan, dan membetulkannya mengikut sistem ejaan bahasa Melayu. Berikut adalah soalan yang dikemukakan kepada pelajar.

Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan penggunaan imbuhan**. Kenal pasti dan betulkan kesalahan-kesalahan itu dengan menulis ayat-ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

1. Setiap pusat melupuskan sampah hendaklah sentiasa **di pantau** supaya mesra alam dan tidak memudaratkan penduduk di sekitarnya.
2. Gerakan Cintailah Bahasa Kita telah dilancarkan untuk **mendokong** usaha kemasyarakatan bahasa Melayu.

i. di pantau → dipantau

Ejaan yang tepat bagi kata **di pantau** ialah **dipantau**. Kebanyakan pelajar tidak dapat mengenal pasti kesalahan ini, dan mereka menganggap ejaan kata tersebut adalah betul. Ini menunjukkan bahawa pelajar tidak dapat membezakan antara kata sendi **di** dengan imbuhan **di-**.

Dari sudut tatabahasa, kata sendi **di** digunakan khusus di hadapan kata nama atau frasa nama yang menunjukkan tempat (Nik Safiah. et. al 2004), dan ditulis secara terpisah daripada kata nama atau frasa nama yang mengikutinya, misalnya *di atas* dan *di bawah*. Imbuhan **di-** pula adalah awalan yang berfungsi sebagai penanda pasif, misalnya kata *dimakan*, *dipanggil* dan *dipulas*. Dengan kata lain, penggunaan **di** sebagai frasa sendi pengejaannya adalah terpisah, manakala **di-** sebagai imbuhan pengejaannya dirapatkan.

Dari segi kelas kata, kata **pantau** ini adalah kata kerja. Oleh itu, ia sepatutnya ditulis secara rapat dengan imbuhan **di-**, iaitu **dipantau**. Namun kebanyakan pelajar tidak dapat mengenal pasti dan membetulkan kesalahan tersebut. Pada hemat penulis, kegagalan ini berpunca daripada faktor pelajar tidak tahu sama ada kata **pantau** itu kata nama atau kata kerja.

ii. mendokong

Berhubung dengan kata **mendokong**, ejaannya yang tepat ialah **mendukung**. Kata terbitan **mendokong** tidak wujud dalam bahasa Melayu. Yang ada ialah **dokong** iaitu sejenis tumbuhan seperti langsung (Kamus Dewan Edisi Keempat 2005). Kata **mendukung** wujud dalam bahasa Melayu dan ia diterbitkan daripada kata dasar **dukung** yang ejaannya ditentukan oleh rumus harmoni vokal. Dalam sebutan baku bahasa Melayu, kata /møndukun/

disebut sebagai [mɔndukɔŋ], dan kadang kala dilafazkan sebagai [mɔndokɔŋ]. Dari segi fonologi, perubahan /u/ menjadi [o] disebabkan oleh pelaksanaan rumus perendahan vokal (Farid M. Onn, 1980). Rumus ini menyatakan vokal /u/ menjadi [o], apabila berada di suku kata akhir tertutup.

Pada hemat penulis, para pelajar didapati terpengaruh dengan bentuk sebutan, justeru mereka tidak sedar akan kesalahan itu. Kesalahan ejaan ini ada kaitannya dengan perlambangan sebenar perkataan ini dalam psikologi pendengar dan penutur (Zaharani Ahmad dan Teoh Boon Seong, 2006). Pelajar-pelajar akan terperangkap apabila adanya ejaan yang mempunyai bunyi yang hampir sama dalam lingkungan kata yang sama. Dalam situasi ini, pelajar tidak dapat membezakan bunyi vokal /u/ dan vokal /o/. Jika diamati, kedua-dua vokal ini mempunyai fitur distingtif yang hampir sama dalam sistem vokal bahasa Melayu. Kedua-duanya adalah [+silabik] dan [+belakang]. Bezanya ialah vokal /u/ adalah [+tinggi], manakala vokal /o/ [-tinggi] (Zaharani Ahmad dan Teoh Boon Seong, 2006).

Pemilihan kata

Seperti yang telah dinyatakan, para pelajar didapati gagal mengenal pasti dan membuat pembedaan pada kata **putih**, **simpanan** dan **di pihak**. Berikut adalah contoh soalan yang diutarakan.

Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah** dan **satu kesalahan tatabahasa**. Kenal pasti dan betulkan kesalahan-kesalahan itu dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

1. *Kelima* penari kumpulan Seri Kebudayaan Negeri Terengganu itu berwajah *putih*.
2. Barang-barang yang menjadi bahan *simpanan* pihak pendakwa ada *di* pihak pembela kes tersebut.
3. Kami akan *bersihkan* kawasan belukar di belakang dewan itu *melalui* bergotong-royong.

i. putih→cerah

Skema jawapan guru menetapkan bahawa perkataan yang harus dipadankan dengan *berwajah* adalah **cerah** bukannya **putih**. Namun kebanyakan pelajar menganggap bahawa frasa **berwajah putih** itu adalah betul dan tepat. Dari segi makna, **cerah** dan **putih** membawa maksud yang hampir sama. Dalam *Kamus Dewan* (2005), perkataan **putih** bermaksud **1.** warna yang paling cerah (seperti warna kapas), lawan hitam. **2.** Ki bersih, murni, suci. Kata **cerah** pula bermaksud **1.** terang (berkenaan hari, bulan, lampu, langit dan lain-lain). **2.** jernih (berkenaan kaca dan lain-lain) **3.** tidak hitam, agak putih (berkenaan kulit) **4.** berseri, tidak muram (berkenaan rupa muka).

Huraian yang diberikan oleh *Kamus Dewan* menunjukkan terdapatnya kelingkaran makna dalam memerikan maksud **putih** dan **cerah**

TAHAP PENGUASAAN BAHASA MELAYU REMAJA MALAYSIA:
ANALISIS ASPEK TATABAHASA

ini. Misalnya, **putih** bermaksud warna yang cerah (1), manakala **cerah** dikatakan tidak hitam, agak putih (3). Kelingkaran makna merujuk kepada makna sesuatu kata yang tidak jelas kerana makna yang diberikan itu berkaitan dengan makna kata-kata lain yang hampir dengannya tanpa dijelaskan persamaan atau perbezaannya (Salmah Jabbar, 1999).

Wujudnya kelingkaran makna antara **cerah** dan **putih** menyebabkan pelajar merasakan tidak salah memilih **putih** kerana bagi mereka maksud perkataan tersebut hampir sama. Penggunaan kata putih untuk wajah juga terdapat dalam data korpus, seperti yang ditunjukkan oleh contoh berikut:

- a. ***Wajah putih*** gebu jadi idaman.
- b. Saya inginkan ***wajah putih*** gebu, sihat dan berseri-seri, idaman sepanjang sejarah.
- c. ***Wajah putih*** bersih itu seperti dalam keresahan.

Selain itu, penggunaan kata **putih** bagi merujuk warna kulit wajah sangat produktif terutamanya dalam iklan-iklan kosmetik. Contohnya, iklan *ombak besar* yang menggunakan slogan *inginkan kulit putih gebu?*¹. Produk kosmetik *super beauty* yang melariskan produk-produk dengan ayat seperti *kulit lebih putih dan cantik*². Selain itu, terdapat juga iklan-iklan kosmetik yang menggunakan kata **putih** dan **cerah** secara bersama. Misalnya, produk kosmetik *biokos* dengan slogan *membuatkan kulit cerah, putih dan bercahaya*³. Begitu juga iklan *youth white* yang berslogankan *rahsia unggul untuk kulit muda, cerah dan putih yang mempesonakan*⁴.

Kesimpulannya, dalam konteks penggunaan semasa, pelajar menganggap kata **putih** dan **cerah** boleh digunakan secara bervariasi bebas. Buktinya, terdapat iklan-iklan kosmetik yang menggunakan kedua-dua perkataan ini untuk merujuk kepada warna kulit dan wajah.

ii. simpanan→bukti

Dalam soalan ini, skema jawapan mengehendaki pelajar menggantikan kata **simpanan** dengan **bukti**. Dapatan kajian menunjukkan pelajar tidak dapat mengesani kesalahan ini. Jika diamati, ayat tersebut tidak salah dari segi struktur tatabahasa kerana frasa nama boleh terdiri daripada KN + KN. Contoh frasa nama yang mengandungi kata nama *bahan* yang sering ditemui ialah *bahan bacaan*, *bahan rujukan* dan *bahan masakan*. Justeru, pelajar merasakan penggunaan frasa nama **bahan simpanan** adalah gramatis dan menepati tatabahasa bahasa Melayu.

Namun, dari segi pragmatiknya, kata **simpanan** kurang sesuai berbanding dengan kata **bukti** kerana kata **bukti** ini lebih berkaitan dengan urusan percabangan di mahkamah. Dengan kata lain, pemilihan kata **bukti** lebih baik daripada **simpanan** bukan ditentukan oleh linguistik tetapi diwujudkan oleh pragmatik. Dalam kes ini, pelajar lemah dalam menguasai maklumat pragmatik dalam pembelajaran bahasa.

iii. di pihak→pada pihak

Satu lagi aspek nahu yang mengelirukan pelajar ialah penggunaan kata sendi nama **di** dan **pada**. Peraturan tatabahasa menetapkan kata sendi nama **di** digunakan khusus di hadapan kata nama atau frasa nama yang menunjukkan tempat, manakala kata sendi nama **pada** digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang menunjukkan keterangan waktu, dan apabila didahului perkataan 'ada' (Nik Safiah Karim et. al 1989).

Dapatan kajian menunjukkan pelajar tidak dapat menguasai peraturan tatabahasa yang melibatkan kata sendi nama **di** dan **pada**. Pada hemat penulis, mereka terpengaruh dengan peraturan nahu praktis, iaitu nahu yang digunakan oleh masyarakat. Penjanaan data korpus menunjukkan frasa sendi nama **di pihak** dan **pada pihak** digunakan secara bervariasi bebas.

- a. "Adanya pihak Ajk, semua permasalahan akan dihuraikan sama ada ***di pihak*** ibu bapa ataupun pengurusannya.
- b. Sementara ***di pihak*** suami pula berpunca daripada kerjaya isteri yang melebihi suami, perbezaan pendidikan dan latar belakang keluarga.
- c. "Sekiranya ***di pihak*** pemain sendiri turut menuntut pendapatan yang melebihi RM5,000 sebulan daripada persatuan, perkara ini hendaklah dilaporkan terus kepada FAM," jelas baginda.
- d. Dengan itu kemudahan yang baik untuk mereka tentunya akan menyebabkan kesenangan ***di pihak*** yang membawa mereka bersama.
- e. Kelambatan ***di pihak*** pelanggan ini akan turut menjejaskan orang lain dan juga mungkin pelanggan lain yang beratur boleh menyebabkan kelancaran barisan turut terjejas sama.
- f. Pengalaman lepas menunjukkan, sebarang kealpaan ***pada pihak*** penganjur boleh menyebabkan kejohanan-kejohanan seumpama itu dicemari pelbagai insiden yang tidak diingini.
- g. Tujuan berkomunikasi bukanlah semata-mata untuk mencipta pemikiran atau kepercayaan ***pada pihak*** pendengar mahupun berniat memindahkan beberapa jenis maklumat kepada fikiran pendengar.
 - a. Sentiasa bersangka baik ***pada pihak*** sekolah bahawa mereka sentiasa mahukan kebaikan pada diri anak anda.
 - b. Tetapi, ***pada pihak*** terbabit, kami masih mengharapkan bantuan untuk membantu kami dalam menyelesaikan perkara ini segera dan secepat mungkin.
 - c. ***Pada pihak*** lain cerita mengenai leluhur/wira budaya mengandungi bibit latar belakang epik dan zaman epik pula.\

Berdasarkan contoh-contoh ayat di atas, ternyata tiada perbezaan yang ketara antara **di pihak** dan **pada pihak**. Kedua-duanya dianggap betul

TAHAP PENGUASAAN BAHASA MELAYU REMAJA MALAYSIA:
ANALISIS ASPEK TATABAHASA

kerana penggunaannya produktif dalam masyarakat, walaupun frasa sendi nama **di pihak** dikatakan melanggar rumus tatabahasa pegangan yang diajar di sekolah.

iv. Melalui→dengan

Penggunaan kata **melalui** dalam ayat di atas dikatakan tidak gramatis kerana kata tersebut tergolong dalam kelas kata kerja. Skema jawapan menetapkan kata **melalui** harus diganti dengan kata sendi nama **dengan**. Kesalahan ini hampir sama dengan kesalahan tatabahasa yang menggunakan kata *mengenai* yang tergolong dalam kata kerja bagi menggantikan kata sendi nama *dengan* (Nik Safiah Karim et. al. 1989). Misalnya, ayat ‘mereka berbincang mengenai masalah negara’ perlu diubah menjadi ‘mereka berbincang tentang masalah negara’.

Sekali lagi apa yang berlaku di sini ialah pertentangan antara kategori dan fungsi. Kata **melalui** dikategorikan sebagai kata kerja, justeru ia tidak boleh berperanan atau berfungsi sebagai kata sendi nama. Sebenarnya, persoalan dan permasalahan ini bukan sahaja berlaku pada kelas kata kerja dan kata sendi nama, tetapi melibatkan juga kelas kata yang lain. Misalnya, kata kerja transitif juga boleh berubah peranan menjadi kata adjektif, seperti dalam ayat ‘Kemalangan itu sangat mengerikan’. Dalam ayat ini kata kerja transitif *mengerikan* tidak menduduki posisi frasa kerja, tetapi berada di posisi frasa adjektif. Namun, ayat ini masih diterima dan dianggap gramatis atas alasan kata kerja transitif itu berfungsi sebagai kata adjektif. Contoh lain yang juga diterima dalam bahasa Melayu adalah perubahan fungsi daripada kata kerja kepada kata nama, seperti dalam ayat ‘Merokok membahayakan kesihatan’. Sekiranya alasan perubahan fungsi diterima, mengapakah alasan yang sama tidak boleh dipakai pada kata **melalui** dengan pernyataan kata kerja berfungsi sebagai kata sendi nama.

Kesimpulan

Makalah ini telah pun menjelaskan mengapakah para pelajar gagal mencapai tahap penguasaan yang memuaskan bagi sesetengah aspek tatabahasa. Antara faktor dan punca penyebabnya ialah (i) pelajar terkeliru antara maklumat linguistik dengan maklumat pragmatik, dan (ii) pelajar terkeliru antara nahu preskriptif yang dipelajari di sekolah dengan nahu praktis yang diperolehi di luar sekolah.

Rujukan

- Asmah Haji Omar, 1982. *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Farid M. Onn. 1980. *Aspects of Malay Phonology and Morphology: A Generative Approach*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamus Dewan (edisi empat)*, 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa dan Abdul Hamid Mahmood, 1989. *Tatabahasa Dewan Jilid 2 Perkataan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Salmah Jabbar. 1999. Kelingaran makna dalam kamus: analisis semantik dan pragmatik. Tesis Sarjana Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.